

RUQYAH SYARIYYAH DAN REGULASI EMOSI ANAK-ANAK AUTISME

Noornajihan Jaafar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Rezki Perdani Sawai

Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Joki Perdani Sawai

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Siti Ramna Kamarududin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ABSTRAK

Statistik menunjukkan terdapat peningkatan bilangan kanak-kanak yang didiagnos mengalami masalah autisme di Malaysia iaitu ratio seorang dalam 100 orang kanak-kanak. Secara umum, autisme merujuk kepada ketidakseimbangan yang berlaku kepada sistem otak dan sistem saraf yang menyebabkan ketidakupayaan dalam berbahasa, tingkah laku dan interaksi sosial. Lazimnya kanak-kanak autisme perlu mendapatkan rawatan klinikal. Kajian ini meneroka kaedah rawatan alternatif, iaitu melalui pelaziman bacaan ruqyah syariyyah kepada kanak-kanak autisme mengikut prosedur tertentu melalui pembacaan sendiri atau dibacakan kepada mereka. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti masalah emosi dan tingkah laku yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme, mengetahui sejauhmana amalan dan pelaksanaan ayat bacaan ruqyah syariyyah diamalkan, cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan rawatan tersebut, dan kesan bacaan ruqyah dalam meregulasi emosi dan tingkah laku kanak-kanak autisme. Kajian kes ini menggunakan temubual (guru) dan pemerhatian (murid). Peserta kajian adalah seramai lima orang guru dan empat orang murid autisme. Dua orang murid dikenal pasti sebagai *low functioning* dan dua orang murid lagi dalam kategori *high functioning*. Lokasi kajian ialah di Pusat Pendidikan Quran bagi Anak-Anak Istimewa (Yayasan Faqeh). Dapatan kajian mendapati bahawa pelaziman bacaan ruqyah syariyyah dengan prosedur pelaksanaan tertentu kepada kanak-kanak autisme membantu mereka dalam meregulasi emosi dan seterusnya tingkah laku mereka. Justeru, rawatan alternatif bagi kanak-kanak autisme melalui pelaziman bacaan ruqyah syariyyah amat disarankan.

Kata Kunci: Rawatan Alternatif, Autisme, Ruqyah Syariyyah, Regulasi Emosi.

PENGENALAN

Kecelaruhan Spektrum Autisme (ASD) atau panggilan singkatnya Autisme merupakan satu kecelaruhan perkembangan pervasif yang disebabkan oleh ketidakseimbangan neurologi yang mempengaruhi fungsi otak serta sistem saraf seseorang. Bagi menentukan sama ada seseorang kanak-kanak mengalami ASD, terdapat tiga simptom yang biasa dialami oleh kanak-kanak ASD iaitu ketidakupayaan dalam interaksi sosial, ketidakupayaan dalam berbahasa dan komunikasi dan ketidakupayaan dalam tingkah laku. Ketidakupayaan dalam interaksi sosial boleh dilihat dari keengganan bertentangan mata dan meluahkan ekspresi muka. Manakala, dari segi ketidakupayaan dalam bahasa dan komunikasi pula merangkumi bercakap lambat dan mengulangi perkataan yang dikenali “ekolalia”. Selain itu, salah satu ciri-ciri yang jelas pada kanak-kanak ASD ialah tingkah laku berulang dan minat yang terbatas seperti kekerapan bermain tangan atau jari (American Psychiatric Association, 2013).

Penggunaan perkataan spektrum pula merujuk kepada kepelbagaian manifestasi kecelaruhan seperti tahap ketidakupayaan, tahap perkembangan dan umur kronologi (Muhammad Haziq & Nurul Akma, 2019). Autisme boleh berlaku seawal umur 12 bulan bahkan lebih awal jika masalah kelewatan perkembangannya adalah teruk atau boleh berlaku lewat daripada 24 bulan jika simptom-simptom yang ditunjukkan adalah tidak ketara (Centers for Disease Control, 2013). Corak permulaannya dapat dilihat melalui kelewatan perkembangan awal atau kehilangan sebarang kemahiran sosial dan bahasa yang akhirnya memberi kesan kepada kemahiran sosial serta kemampuan berkomunikasi seseorang individu (American Psychiatric Association, 2013).

Ciri-ciri ASD menjadi lebih jelas pada zaman kanak-kanak awal iaitu dalam sesetengah kes menunjukkan kekurangan minat dalam interaksi sosial pada tahun pertama kehidupan (Siti Marziah & Nor Shahirah, 2018). Selain itu, simptom pertama ASD selalunya melibatkan kelewatan dalam perkembangan bahasa dan sering dikaitkan dengan kekurangan minat sosial atau interaksi sosial yang luar biasa, corak permainan yang ganjil dan corak komunikasi yang luar biasa. Pada tahun kedua, tingkah laku ganjil dan berulang-ulang serta tidak bermain secara normal akan menjadi lebih ketara (Siti Marziah & Nor Shahirah, 2018). Menurut Gal et al. (2009), kanak-kanak autistik boleh dikategorikan kepada dua iaitu Autisme Berfungsi Tinggi (*High Functioning Autism, HFA*), dan Autisme Berfungsi Rendah (*Low-Functioning Autism, LFA*) berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti darjah kecerdasan (intelligence quotient), kemampuan berkomunikasi (verbal atau bukan-verbal) dan kemampuan berdikari.

Kajian berkaitan ruqyah syarriyyah ini banyak dijalankan dalam lingkungan kajian rawatan penyakit fizikal (Mulyadi, Aliftitah, & Munir, 2019; Ismail, 2019), rohani (Hamroyanah, 2019; Ismail,

2019), mental (Md. Sa'ad, Razali, Sanip, & Mohd Rani, 2017) dan gangguan makhluk ghaib (Hasanah, 2019; Zakiah, 2019). Walaupun kebanyakan kajian ruqyah syariyyah adalah berkaitan rawatan penyakit psikologi (Mohamad & Othman, 2017; Abdullah, 2019; Jayanti, Nashori, & Rumiani, 2019; Hofie, 2019), namun penyelidik belum menemukan kajian dijalankan dalam konteks mereka yang menghadapi autisme. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengetahui keberkesanan amalan ruqyah syariyyah dalam regulasi emosi dan tingkah laku kanak-kanak autism.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menyasarkan kepada beberapa objektif seperti berikut:

1. mengenal pasti masalah emosi dan tingkah laku yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme.
2. mengetahui pelaksanaan bacaan ayat ruqyah syariyyah.
3. cabaran yang dihadapi dalam pelaksanaan rawatan tersebut.
4. kesan bacaan ruqyah dalam meregulasi emosi dan tingkah laku kanak-kanak autisme.

PERUBATAN DARI SUDUT PANDANG ISLAM

Terdapat banyak keterangan dan bukti daripada al-Quran dan hadith yang menerangkan tentang bidang perubatan dalam Islam. Allah SWT telah menerangkan bahawa ayat al-Quran adalah penawar kepada orang-orang yang beriman seperti mana yang difirmankan;

“Dan kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadaNya, dan sebaliknya al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua”.

(Al-Quran. Al-Isra':82)

Seterusnya Allah SWT berfirman lagi;

“Katakanlah (Wahai Muhammad) Al-Quran itu menjadi (cahaya) petunjuk serta penawar bagi orang-orang yang beriman dan sebaliknya orang-orang yang tidak beriman, (Al-Quran itu) menjadi satu penyakit yang menyumbat telinga mereka (bukan penawar); dan ia juga merupakan gelap-gelita yang menimpa (pandangan) mereka (bukan cahaya yang menerangi).”

(Al-Quran. Fussilat :44)

Selain dari itu, terdapat juga hadith-hadith Rasulullah SAW yang memperkuat lagi peri pentingnya bidang perubatan dalam Islam, antaranya Baginda SAW bersabda yang bermaksud:

“Hendaklah kamu berubat dengan dua perkara iaitu al-Quran dan madu”.

(Hadis Riwayat al-Hakim: no. hadis 7436)

Abu Hurairah RA juga meriwayatkan bahawa;

“Tidaklah Allah menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan (juga) penawarnya”.

(Hadith Riwayat al-Bukhari: no. hadith 5678)

Ruqyah Syariyyah sebagai Kaedah Rawatan

Ruqyah syariyyah dikenali sebagai pengubatan *ilahiyyah* atau sinonim dengan budaya Melayu yang bermakna jampi. Ia bukanlah jampi serapah yang membawa kepada unsur syirik, meminta bantuan atau pertolongan kepada makhluk lain. Namun, ruqyah syariyyah merupakan himpunan ayat-ayat Quran, zikir dan doa-doa yang ma'thur yang dijadikan amalan sebagai kaedah perubatan bagi penyakit tertentu sesuai dengan intisari kandungan ayat Quran yang dibacakan (Ahmad Adnan, 2013). Pensyariatan ruqyah syariyyah adalah berasaskan Hadith Nabi SAW. Nabi Muhammad SAW bersabda;

“Tidak apa-apa ruqyah itu selama tidak mengandungi syirik.”

(Hadith Riwayat Muslim: no. hadith 5862)

Terdapat beberapa pandangan ulama berkaitan dengan ruqyah syariyyah. Imam Ibn Hajar al-Asqalani berkata bahawa para ulama Islam telah bersepakat bahawa jampi atau ruqyah itu diharuskan sekiranya memenuhi tiga syarat:

1. Menggunakan kalamullah atau nama-nama dan sifat-Nya;
2. Menggunakan Bahasa Arab atau selainnya, selagi mana boleh difahami;
3. Hendaklah meyakini bahawa jampi itu tidak berpengaruh dengan sendirinya, sebaliknya ia berkesan dengan sebab Allah SWT yang mengizinkannya.

(Ibn Hajar al-Asqalani,)

Regulasi Emosi dan Tingkah Laku Kanak-Kanak Autisme

Gangguan spektrum autisme (ASD) dikaitkan dengan tindak balas emosi yang diperkuatkan dan kawalan emosi yang lemah (Mazefsky, Herrington, Siegel, Scarpa, Maddox, Scahill & White, 2013). Regulasi emosi secara umumnya ditakrifkan sebagai pengubahsuaian keadaan emosi seseorang secara automatik atau sengaja yang menggalakkan penyesuaian tingkah laku adaptif atau tingkah laku sasaran bermatlamat (Thompson, 1994).

Individu yang mempunyai ASD gagal menggunakan strategi regulasi emosi adaptif dan sebaliknya bertindak balas secara rangsangan kepada rangsangan emosi dengan tantrum, pencerobohan, atau mencederakan diri (Sofronoff, Attwood, Hinton, & Levin, 2007). Jahromi, Bryce, dan Swanson (2012) menyatakan bahawa kanak-kanak dan remaja ASD tidak kerap dan kurang berkesan menggunakan strategi regulasi emosi adaptif seperti tingkah laku sasaran bermatlamat atau mencari sokongan sosial berbanding dengan belia. Oleh itu, amat penting untuk menyediakan bantuan yang diperlukan bagi membantu kanak-kanak ASD mengawal emosi dan tingkahlaku mereka melalui pendekatan ruqyah syariyyah sebagai kaedah terapi.

Pengamalan Ruqyah Syariyyah sebagai Kaedah Terapi

Yayasan FAQEH merupakan sebuah institusi pendidikan bagi anak-anak istimewa dalam mempelajari ilmu Qurani yang melibatkan anak-anak istimewa seperti autism, sindrom down, lembab dan hiperaktif. Yayasan FAQEH dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Quran (CQR), Universiti Malaya dan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia telah menjalankan projek rintis dalam membangunkan Kurikulum QurANIS yang merupakan inovatif Pendidikan al-Quran dan Ibadah Anak Istimewa (Kurikulum QurANIS, 2017). Kurikulum QurANIS merangkumi empat komponen asas iaitu Hafazan, Tilawah al-Quran, Terapi Tahsin Ibadah dan Terapi Alami.

Pendekatan ruqyah syariyyah merupakan satu cara yang boleh digunakan bagi meregulasi emosi dan tingkah laku ASD. Ruqyah Anak Istimewa ini diambil daripada ayat-ayat suci al-Quran dan hadis-hadis Nabi sebagai penawar (syifa') bagi mereka. Pembacaan ruqyah dilakukan sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran bermula. Kaedah pembacaan ruqyah ini adalah untuk menstabilkan emosi anak-anak istimewa ini dan bagi melancarkan sesi pengajaran dan pembelajaran.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kes melalui kaedah temubual (guru) dan pemerhatian (empat orang murid). Peserta kajian adalah seramai lima orang guru dan empat orang murid autisme. Dua orang dikenal pasti sebagai *low functioning* dan dua orang lagi dalam kategori *high functioning*. Lokasi kajian ialah di Yayasan Faqeh, Pusat Pendidikan Quran bagi Anak-Anak Istimewa.

Temu bual separa berstruktur telah dijalankan bagi kesemua informan. Temu bual diadakan bagi membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat lebih terperinci bagi memahami dunia informan dari sudut pandangan mereka dan mengungkap pengalaman mereka. Dalam konteks kajian ini, temubual dijalankan kepada lima orang guru, bagi mendapatkan pandangan mereka dalam mempraktikkan bacaan ruqyah syariyyah kepada murid-murid autism. Setelah itu, pengkaji akan mentranskrip temu bual yang dijalankan. Pemerhatian pula dilakukan ke atas murid semasa proses pembacaan ruqyah bagi melihat pelaksanaan amalan tersebut.

Dapatan temu bual dianalisis menggunakan analisis tematik. Menurut Braun dan Clarke (2006), analisis tematik melibatkan pencarian dalam keseluruhan set data untuk mencari pola makna berulang. Analisis tematik memfokuskan tema yang boleh dikenal pasti daripada hasil temu bual yang dijalankan. berstruktur ini terdiri daripada soalan-soalan terbuka.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dapatan kajian ini berkisar tentang emosi dan tingkah laku kanak-kanak autisme, pelaksanaan bacaan ruqyah syariyyah, cabaran yang dihadapi oleh guru serta kesan pembacaan ruqyah syariyyah kepada emosi dan tingkah laku kanak-kanak tersebut.

Emosi dan Tingkah Laku Kanak-Kanak Autisme

Kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak autisme mengalami beberapa masalah emosi antaranya emosi yang kurang stabil. Danielle (2012) menerangkan individu yang mempunyai autisme boleh mengalami reaksi emosi yang tidak sesuai. Sebagai contoh, kanak-kanak autisme kadang kala menunjukkan rasa marah pada satu ketika dan di waktu lain mereka bersedih, dan di waktu lain pula mereka berasa gembira sehingga tidak dapat dikawal. Peserta kajian (PK) 1 dan PK 5 menyatakan bahawa:

“Emosi bergantung kepada murid, ada ketika marah, ada ketika sedih, dan ada ketika gembira yang tidak boleh dikawal.” (PK1)

“Masalah suka ketawa bila melakukan kerja. Emosi gembira tidak boleh dikawal.” (PK5)

Kanak-kanak ASD ini juga mempunyai kesukaran untuk mengawal emosi mereka (Meiriawan Sulisty, Abdul Salim Choiri, Furqan Hidayatulloh, 2017). Seseengah daripada mereka tidak dapat mengawal perasaan apabila merasa terganggu ataupun kehendak mereka tidak dapat dipenuhi. PK 2 menjelaskan bahawa:

“Masalah emosi yang dihadapi oleh pelajar saya ialah pelajar akan menyerang atau merosakkan sesuatu barang yang berhampiran dengannya jika emosi mereka terganggu. Selain itu, ada juga pelajar yang akan mengamuk dan marah jika kemahuannya tidak diikuti.” (PK2)

Sofronoff dan rakan-rakan (2007) menyatakan bahawa kanak-kanak yang mempunyai ASD gagal menggunakan strategi regulasi emosi adaptif dan sebaliknya bertindak balas secara rangsangan kepada rangsangan emosi dengan tantrum, pencerobohan atau mencederakan diri. Tambahan lagi, mereka cenderung bertindak agresif seperti menggigit, memukul, menendang orang lain atau diri mereka sendiri (Dominick et al., 2007). Ini turut dipersetujui oleh PK 4 dengan menyatakan bahawa:

“Masalah emosi yang dihadapi oleh kanak-kanak autisme yang belajar di sini kebiasaannya marah atau tantrum.” (PK4)

Penjelasan PK3 menunjukkan bahawa terdapat juga kanak-kanak autisme yang tidak memahami emosi atau perasaan mereka seperti yang dinyatakan oleh beliau ketika sesi temubual:

“Ada seseengah pelajar yang tidak memahami emosi mereka sendiri, ada setengah pelajar yang boleh memahami emosi mereka seperti sedih, gembira, takut, marah.” (PK3)

Menurut Suhaili dan Siti Syuhada (2017), kanak-kanak autisme ini juga bersikap antisosial atau lebih suka menyendiri. Sebagai contoh, mereka bermain sendirian dan terlalu fokus dengan satu-satu benda yang mereka gemari sebagai contoh penyedut minuman dan getah. Malahan, perhatian mereka juga mudah beralih kepada perkara lain (Meiriawan Sulisty et.al., 2017). Ada antara mereka yang tidak menghiraukan orang yang bercakap dengannya dan ada pula yang sangat sensitif dengan sesuatu bunyi. Ini seperti yang dijelaskan oleh PK2:

“Antara masalah tingkah laku yang dihadapi sesetengah pelajar saya ialah pelajar akan leka bermain dengan sesuatu barang yang disukainya. Contohnya, bermain dengan penyedut minuman dan getah. Selain itu, ada pelajar yang tidak menunjukkan reaksi ketika bercakap dengannya dan mudah tertarik dengan bunyi atau suara lain ketika kita bercakap dengannya.”

(PK2)

Terdapat juga kanak-kanak autisme yang tidak boleh duduk diam dan sentiasa bergerak. Ohkouchi (2012) menjelaskan bahawa kanak-kanak autisme ini tidak dapat duduk diam, sukar mengikuti aktiviti kumpulan, serta sukar mendengar penjelasan guru. PK 5 turut menyatakan bahawa kanak-kanak autisme:

“Suka berlari-lari sebelum siapkan kerja dan aktiviti. Mudah tantrum apabila barang yang disukai diambil oleh guru.” (PK5)

Kajian mendapati bahawa tingkah laku kanak-kanak autisme ini dapat dikawal jika betul cara didikan serta disiplin yang dirutinkan. Mewujudkan rutin dan aktiviti berjadual merupakan strategi untuk menstrukturkan persekitaran pembelajaran untuk pelajar dengan ASD (Ontario, 2007). Pemilihan dan pelaksanaan intervensi yang sesuai strategi dan sokongan, penilaian kemajuan, dan penyesuaian strategi pengajaran yang sesuai membolehkan pelajar untuk memperoleh kemahiran sasaran (Myers & Johnson, 2007). PK 3 menyatakan bahawa beliau tidak menghadapi masalah kerana kanak-kanak tersebut telah dirutinkan dengan jadual aktiviti, kata beliau:

“Bagi saya tidak ada masalah tingkah laku disebabkan rutin harian di FAQEH ini mereka sudah faham dan mereka boleh ikut jadual tersebut bermula waktu datang ke FAQEH sehingga waktu balik.” (PK3)

Bagi PK 4, sebagai pelajar baru, kanak-kanak tersebut perlukan masa dan bimbingan guru untuk mengikuti aktiviti bacaan ruqyah tersebut, katanya:

“Pelajar baru perlukan masa untuk mengikuti bacaan ruqyah secara berjemaah dan perlukan bimbingan daripada guru.” (PK4)

Dapatan ini disokong oleh Güleç-Aslan, Kırcaali-İftar, dan Uzuner, (2009) yang menyatakan bahawa kanak-kanak autisme boleh terus hidup tanpa menghadapi banyak masalah jika di bawah bimbingan yang betul. Tanpa garis panduan yang betul, kanak-kanak autisme mungkin menghadapi masalah jangka panjang.

Mereka ini memerlukan sedikit ketegasan dari guru bagi mendisiplinkan mereka, seperti yang dijelaskan oleh PK 1:

“Untuk pelajar baharu, ada setengah pelajar memerlukan bimbingan dan guru perlu ‘firm’ atau bersikap tegas supaya pelajar tersebut dapat menghabiskan bacaan ruqyah. Kebiasaanya pelajar tersebut tidak mahu duduk dengan guru, berjalan atau baring.” (PK1)

Pelaksanaan Bacaan Ruqyah Syariyyah

Pemerhatian yang dibuat mendapati bahawa sebelum memulakan bacaan ruqyah setiap kanak-kanak autisme dan guru akan dipastikan berwuduk terlebih dahulu. Kanak-kanak ini akan mengambil wuduk dengan bimbingan para guru. Mereka akan membuat satu bulatan besar dan duduk berhadapan dengan guru. Ketika ini pelbagai gelagat serta ragam yang dapat diperhatikan. Ada setengah kanak-kanak yang mudah mengikut arahan guru, malah ada juga yang mengelak dan membuat pelbagai alasan untuk tidak duduk bersama guru.

Air minuman disediakan dan diletakkan di bahagian tengah bulatan. Sebelum memulakan bacaan Ruqyah, mereka perlu membaca istighfar sebanyak tujuh kali. Semasa bacaan secara beramai-ramai, guru akan menunjukkan ayat yang dibaca satu persatu. Bagi sesetengah kanak-kanak, didapati mereka terpaksa dipegang erat oleh guru supaya tidak bangun dari tempat duduk asal. Kebijaksanaan, kesabaran dan ketenangan guru semasa proses bacaan ruqyah syariyyah ini sedikit sebanyak membantu mengawal keadaan kanak-kanak tersebut.

Selepas selesai bacaan ruqyah, kanak-kanak akan membaca doa beramai-ramai. Kemudian setiap dari mereka akan diberi minum air yang telah dibacakan dengan bacaan ruqyah syariyyah tersebut. Pembacaan ruqyah syariyyah ini dilakukan secara rutin pada sebelah pagi dan petang.

Cabaran yang dihadapi dalam Pelaksanaan Rawatan Tersebut

Kajian mendapati bahawa antara cabaran yang dihadapi oleh guru ialah keperluan kepada kekuatan fizikal bagi mengawal tingkah laku kanak-kanak tersebut khususnya mereka yang masih baru dan belum melazimi aktiviti bacaan ruqyah syariyyah tersebut, PK 1 menjelaskan:

“Guru perlu “power struggle” terutama untuk pelajar yang baru yang masih belum terbiasa dengan rutin ruqyah.” (PK1)

Senario kanak-kanak autisme yang sukar untuk duduk diam menjadi cabaran bagi guru untuk mengawal keadaan mereka dan kelas. PK 2 dan PK5 menjelaskan seperti berikut:

“Antara cabaran yang dihadapi oleh para guru ketika pelaksanaan ruqyah adalah pelajar sukar untuk duduk di dalam bulatan untuk bersama–sama dengan guru membaca ruqyah.” (PK2)

“Murid tidak boleh duduk dengan baik kerana murid ingin berlari atau terlalu happy.” (PK5)

Tingkah laku kanak-kanak autisme yang sukar mendengar arahan seperti yang dinyatakan oleh PK3 turut menjadi cabaran buat para guru:

“Ada sesetengah pelajar yang teruja nak minum air sedangkan bacaan ruqyah belum selesai. Ada sesetengah pelajar tidak mahu minum air tersebut dan perlukan sedikit ketegasan.” (PK3)

Kesan Bacaan Ruqyah dalam Meregulasi Emosi dan Tingkah Laku Kanak-Kanak Autisme

Kajian mendapati bahawa bacaan ruqyah syariyyah ini berupaya menenangkan kanak-kanak autisme serta dapat mengawal emosi mereka dengan baik. Dapatan kajian ini menyokong pernyataan yang dibuat oleh Mohd Syukri, Che Zarrina dan Syed Mohammad Hilmi (2018), yang menyatakan bahawa elemen psikoterapi Islam memiliki nilai spiritual yang membantu dalam meningkatkan motivasi serta memberi kesan positif kepada kanak-kanak autisme. Hal ini dikongsikan oleh kelima-lima orang guru. Sebagai contoh PK 3 menyatakan bahawa:

“Mereka lebih tenang dan dapat mengawal emosi dengan baik. Ada juga pelajar apabila disuruh istighfar/ selawat dapat mengurangkan kemarahan dan tidak mencederakan diri dan orang lain.” (PK3)

Tambahan pula, kesemua guru bersetuju bahawa pelaziman bacaan ruqyah syariyyah juga dapat membantu kanak-kanak autisme lebih memberi tumpuan dan mengikut arahan serta memberi tindak balas yang baik, sebagai contoh seperti yang dinyatakan oleh PK 1:

“Antara kesan bacaan ruqyah terhadap tingkap laku pelajar saya ialah mereka boleh fokus dan memberi tumpuan ketika pembacaan ruqyah dijalankan. Selain itu, pelajar juga dapat

mendengar arahan guru dan bertindak balas atas arahan tersebut dengan baik. Bacaan ruqyah ini juga dapat mendisiplinkan dan menghormati dengan kalimah-kalimah yang suci.” (PK2)

Pendekatan psikoterapi Islam seperti solat dan zikir mempunyai hubungan yang signifikan dalam membantu perkembangan kanak-kanak autistik seperti kanak-kanak normal yang lain (Mohd Syukri, Che Zarrina & Syed Mohammad Hilmi, 2018). Ini terbukti apabila mereka juga sudah mampu menghormati orang lain, terutamanya para guru seperti yang dinyatakan oleh PK 5:

“Emosi pelajar lebih tenang, dan hormat pada guru, dan pelajar boleh mengikut arahan”. (PK5)

Penutup

Kesimpulannya, kaedah ruqyah syariyyah merupakan kaedah terapi yang boleh digunakan bagi meregulasi emosi dan tingkah laku kanak-kanak ASD. Kaedah ruqyah ini dapat membantu mengurangkan ketidakstabilan emosi serta mengawal tingkahlaku kanak-kanak ASD secara berkesan. Mengambil intipati dari al-Quran, ayat 82 Surah al-Isra' bahawa ayat al-Quran itu adalah penawar bagi orang yang beriman, maka penggunaan ayat al-Quran bagi tujuan ruqyah syariyyah adalah salah satu rawatan alternatif yang boleh diaplikasikan bagi membantu kanak-kanak autisme. Justeru, ibu bapa dan guru perlu memberi perhatian yang sewajarnya dalam membentuk keperibadian kanak-kanak autisme melalui perlaksanaan ibadah dan penekanan pembelajaran berkaitan akhlak meskipun berhadapan dengan pelbagai kesukaran dan cabaran dalam melatih mereka.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Universiti Sains Islam Malaysia atas pembiayaan geran penyelidikan yang bertajuk “Pendekatan Regulasi Emosi Rasulullah ke Arah Kesejahteraan Mental Belia (PPPI/UGC_0119/FKP/051000/13119).

RUJUKAN

Al-Quran

Abdullah, B. N. B. C. (2019). Metode Ruqyah dalam mengatasi pasien gangguan kejiwaan di Yayasan Islam Terengganu Malaysia (Doctoral dissertation, Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan).

- Ahmad Adnan. (2013). 1001 Hadis Pengubatan Rasulullah. Kuala Lumpur: Telaga Biru.
- Al-Bukhari Muhammad Bin Ismail Abu Abdullah. 1987. Sahih Al-Bukhari. Ed. Ke-3. Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Braun, V. and Clarke, V. (2006) Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3 (2). pp. 77-101. ISSN 1478-0887.
- Danielle, N. M. (2012). The ever-changing social perception of autism spectrum disorders in the United States. Project completed in Partial Fulfilment for Graduation From The Honors College of East Carolina University.
- Dominick, Kelli C., Davis, Naomi Ornstein, Lainhart, Janet, Helen Tager-Flusberg, Folstein Susan. (2007). Atypical behaviours in children with autism and children with a history of language impairment. *Research in Developmental Disabilities*, 28, 145-162.
- Gal, E., Bauminger, N., Goren-Bar, D., Pianesi, F., Stock, O., Zancanaro, M. & Weiss, P. L. (2009). Enhancing social communication of children with high functioning autism through a colocated interface. *Journal of Human Centred Systems*, 24, 75-84.
- Al-Hakim, Abu Abdullah. (2010). Al-Mustadrak. Beirut: Darul al-Makrifah.
- Hamroyanah, H. (2019). Pengaruh Terapi Ruqyah Terhadap Peningkatan Spiritual Remaja Di Majelis Ruqyah Nafsul Muthmainah (Studi Kasus Di Majelis Ruqyah Nafsul Muthmainah Di Puri Anggrek Kecamatan Teritih Kabupaten Serang Banten) (Doctoral Dissertation, UIN SMH BANTEN).
- Hasanah, U. U. (2019). Terapi Ruqyah Syar'iyah dalam menyembuhkan gangguan jiwa akibat pengaruh sihir (Doctoral dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung).
- Hofie, L. (2019). Ruqyah syar'iyah sebagai terapi alternatif penderita gangguan psikosomatik: studi kasus pasien Penderita Psikosomatik di Al-Baharun Ketapang Sampang (Doctoral dissertation, Uin Sunan Ampel Surabaya).
- Ibnu Hajar al-'Asqalani.(1970). Fath al-Bari bi-Sharh Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Ahmad ibn Ali Ibn Hajar al-Asqalani Ismail, M. U. (2019). Terapi Ruqyah Syar'iyah Untuk Gangguan Jasmani dan Rohani di Rehab Hati Surabaya dengan Teknik Tazkiyat Al-Nafs Berbasis Konsep Ibn Al-Qayyim Al-jawzi (Doctoral dissertation, UIN Sunan Ampel Surabaya).
- Jahromi, L. B., Bryce, C. I., & Swanson, J. (2013). The importance of self-regulation for the school and peer engagement of children with high-functioning autism. *Research in Autism Spectrum Disorders*, 7, 235–246.

- Jayanti, A. M., Nashori, F., & Rumiani, R. (2019). Terapi Ruqyah Syar'iyah Meningkatkan Kebahagiaan Perempuan Korban Kekerasan Dalam Rumah Tangga. *JIP (Jurnal Intervensi Psikologi)*, 11(2), 111-122.
- Mazefsky, C.A., Herrington, J., Siegel, M., Scarpa, A., Maddox, B.B., Scahill, L., White, S.W. (2013). The Role of Emotion Regulation in Autism Spectrum Disorder, *Journal of the American Academy of Child and Adolescent Psychiatry*, 52(7), 679-88. doi: 10.1016/j.jaac.2013.05.006.
- Md. Sa'ad, R. A. A., Razali, Z. A., Sanip, S., & Mohd Rani, M. D. (2017). Knowledge and attitude of Malaysia's Muslim faith healers in dealing with the mentally ill. *Mental Health, Religion & Culture*, 20(10), 1015-1027.
- Meiriawan Sulisty, Abdul Salim Choiri, Furqan Hidayatulloh. (2017). Decreasing tantrum of child with autism using brain gym. *European Journal of Special Education Research*, 2(2).
- Mohamad, M. A., & Othman, N. (2017). The Ruqyah Syar'Iyyah Spiritual Method As An Alternative For Depression Treatment. *Life Science Journal*, 14(2).
- Mohd Syukri Zainal Abidin, Che Zarrina Sa'ari & Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman. (2018). Pendekatan psikoterapi Islam terhadap kanak-kanak muslim autistik. *Akademika*, 88(1), 65-73.
- Mulyadi, E., Alifitah, S., & Munir, M. (2019). Ruqyah Syar'iyah untuk Penurunan Tingkat Stres Pasien Hipertensi. *Prosiding*, 207-215.
- Myers, S.M & Johnson, C.P. (2007). Management of children with utism Spectrum Disorders. *Pediatrics*, 1162- 1182. DOI: 10.1542/peds.2007-2362
- Muslim, Ibn Al-Hujjaj Abu Al-Husayn Al-Kushayri Al-Naisaburi. 1984. *Al-Jami' Al-Sahih*. Beirut: Dar Ihya' Turas al-Arabi.
- Ohkouchi, O. (2012). High-Functioning Autistic Children: From a clinical psychologist's perspective. *JMAJ*, 55(4): 303–306.
- Ontario. (2007). *Effective educational practices for students with autism spectrum disorders: A resource guide*.
- Siti Marziah, Z., & Nor Shahirah, M. T. (2018). Cabaran membesarkan anak-anak autisme daripada perspektif ibu. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32 (1), 57-70.
- Sofronoff K, Attwood T, Hinton S, Levin I. (2007). A randomized controlled trial of a cognitive behavioural intervention for anger management in children diagnosed with Asperger syndrome. *J Autism Dev Disord*. 37:1203-1214.
- Suhaily, Md. S. & Siti Syuhada, A. R. (2017). Public awareness on the characteristics of children with autism in Selangor (Kesedaran umum terhadap karakter kanak-kanak autism di selangor). *Malaysian Online Journal of Education*, 1(2), 73-81.

Thompson, R. A. (1994). *Emotion Regulation: A Theme in Search of Definition*. Monographs of the Society for Research in Child Development. Chicago, IL: University of Chicago Press, 25-52.

Kurikulum QurANIS. (2017). Bandar Baru Nilai: Yayasan Faqeh.

Zakiah, Z. (2019). *Terapi Ruqyah sebagai upaya penyembuhan depresi disebabkan gangguan Jin di Rehab Hati Bandung* (Doctoral dissertation, UIN Sunan Gunung Djati Bandung).